# Sesungguhnya Allah mencintai keringanan-Nya diamalkan, sebagaimana Dia mencintai kewajipan-Nya dilaksanakan

Daripada Ibnu 'Abbas رضي الله عنهما, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: "Sesungguhnya Allah mencintai keringanan-Nya diamalkan, sebagaimana Dia mencintai kewajipan-Nya dilaksanakan."

[صحيح] [رواه ابن حبان]

Nabi ﷺ memberitahu bahawa Allah menyukai rukhsah-rukhsah yang telah disyariatkan-Nya diamalkan, yang berupa keringanan dalam hukum-hakam dan ibadah, dan kemudahan kepada mukalaf yang mempunyai keuzuran—seperti memendekkan solat dan menjamakkannya ketika musafir—, Sebagaimana Dia juga menyukai agar `azimah`-Nya, iaitu perkara-perkara yang wajib, dilaksanakan; kerana perintah Allah dalam perkara rukhsah dan azimah adalah satu.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/65017